

SOALAN NO. 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 10 OGOS 2017

SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia mencadangkan kepada KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong bagi pengampunan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dan sekaligus membebaskannya dari tahanan penjara memandangkan jasa-jasanya kepada negara, keuzurannya di samping penghukumannya banyak dipertikaikan oleh pihak-pihak perundangan luar negara, khususnya oleh pihak Bangsa Bangsa Bersatu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (1) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Kuasa di atas dijalankan atas nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan di bawah Fasal (11) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong serta Peguam Negara atau wakil Peguam Negara, Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan tidak lebih dari tiga orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Menurut Fasal (9) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, sebelum memberikan nasihatnya mengenai apa-apa perkara, Lembaga Pengampunan hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara itu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (63)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 OGOS 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]

SOALAN :

YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah siri dialog TN50 yang telah dilakukan dan adakah ianya telah diadakan di semua 222 Parlimen.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan pada 19 Januari 2017 semasa Sesi Dialog Perdana di Universiti Malaya. TN50 merupakan kesinambungan kepada proses pembangunan tanahair bermula daripada Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990, diikuti dengan Wawasan 2020 pada 1991-2020 dan kini Transformasi Nasional 2050. Proses pengumpulan aspirasi untuk TN50 bagi golongan belia dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Jabatan Perdana Menteri pula mengkoordinasikan input aspirasi golongan selain daripada belia yang dilaksanakan oleh semua kementerian/jabatan/agensi dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Proses pengumpulan aspirasi TN50 ini menggunakan pendekatan *bottom up*. Ini bersesuaian dengan *trend* semasa iaitu segenap lapisan rakyat boleh dan terlibat sama dalam melakar masa hadapan negara melalui aspirasi yang dicadangkan. Secara tidak langsung, rakyat

Malaysia mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting dan bersama-sama Kerajaan mencorakkan masa hadapan negara.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai kaedah dalam memberikan kesedaran kepada rakyat tentang senario dunia pada tahun 2050 seterusnya mengumpulkan aspirasi rakyat bagi membentuk negara bangsa yang maju, mampan dan cemerlang pada tahun 2050. Antaranya dengan mengadakan sesi dialog, perbincangan meja bulat, mesyuarat bersama kumpulan fokus, penyediaan saluran komunikasi melalui media sosial dan sebagainya. Segala input yang diperolehi seterusnya akan didokumenkan sebagai dokumen dasar ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Sejumlah 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah dikumpul sehingga Jun 2017. Manakala bagi tempoh April 2017 hingga bulan Jun 2017, 8,300 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 3,500 individu.

Untuk makluman, lebih banyak aspirasi-aspirasi lain akan diperolehi melalui pelbagai aktiviti TN50 lain yang telah dirancang dan akan dilaksanakan. Semua aspirasi yang diterima daripada rakyat akan

diambil kira dalam menghasilkan visi Transformasi Nasional 2050 yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara akan datang. Bertunjangkan konsep "Oleh Rakyat, Untuk Rakyat", Kerajaan komited untuk memenuhi aspirasi rakyat. Namun, kejayaan TN50 memerlukan sokongan padu dan usaha sama semua.

Sekian, terima kasih.

10 Ogos 2017